

**NO SOALAN :503**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI**

**(DUNGUN)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [ DUNGUN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah penyelesaian bagi membantu rakyat yang memerlukan pinjaman sehingga ada dalam kalangan mereka yang terpaksa meminjam dengan Along.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) bagi memudahkan rakyat mendapat pembiayaan daripada institusi kewangan. Antara

bantuan dan inisiatif yang boleh dimanfaatkan adalah seperti berikut :

i) Bagi tujuan pembiayaan perumahan

- Pembiayaan sehingga 100 peratus daripada harga rumah ditawarkan oleh institusi kewangan bagi pembeli rumah pertama. Untuk makluman, antara institusi perbankan yang menyediakan pinjaman sehingga 100 peratus adalah Malayan Banking Berhad, CIMB Bank, Affin Bank Berhad, Bank Islam dan Public Bank Berhad.
- Skim pembiayaan akhir menerusi program Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

ii) Bagi tujuan pembiayaan perniagaan

- Skim Pembiayaan Mikro, yang mana usahawan-usahawan mikro boleh mendapatkan pembiayaan dengan mudah, cepat dan tanpa cagaran sehingga RM50,000 untuk perniagaan mereka. Skim ini melengkapkan produk pembiayaan mikro yang ditawarkan oleh agensi-agensi Kerajaan seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN).
- Lima dana khas BNM untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS), dengan kadar pinjaman atau keuntungan

di antara 3.75 peratus hingga 6 peratus setahun.

iii) Bagi tujuan pembiayaan jangka pendek

- Perkhidmatan pajak gadai (Ar-Rahnu) disediakan oleh institusi kewangan bagi kemudahan mendapat pembiayaan jangka pendek yang boleh diperolehi dengan kadar segera.

Selain itu, kesedaran perlu dipupuk di kalangan orang ramai agar tidak berurusan dengan Alang, memandangkan terdapat pelbagai kemudahan pinjaman yang disediakan oleh institusi kewangan bagi keperluan orang ramai. Namun begitu, pinjaman hanya boleh diberikan kepada seseorang individu berdasarkan keperluan dan selaras dengan kemampuan membayar semula pinjaman tersebut.

Sekiranya ada pihak yang masih menghadapi masalah mendapatkan akses kepada pembiayaan atau masalah lain berkaitan pinjaman dari institusi kewangan, BNM dan Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (*The Association of Banks in Malaysia, ABM*) telah menyediakan pelbagai saluran bagi mengemukakan aduan atau mencari jalan penyelesaian bagi masalah pembiayaan seperti berikut :

i) **ABMConnect** : 1-300-88-9980;

ii) **BNMLINK** (Laman Informasi Nasihat dan Khidmat), Blok D,

Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur; dan

iii) **BNMTELELINK**

- Telefon : 1-300-88-5465
- Faks : 03-2174 1515
- E-mel : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)
- SMS : 15888